

# **BENGKEL PENGURUSAN KEWANGAN MASJID**

## **SIRI I**

**TARIKH : 10 JUN 2007**  
**MASA : 8.30 PG HINGGA 5.00 PTG**

**DISAMPAIKAN OLEH:**  
**USTAZ ABDULLAAH BIN JALIL**  
**PENSYARAH FAKULTI EKONOMI DAN MUAMALAT**

**ANJURAN FAKULTI EKONOMI DAN MUAMALAT**  
**DENGAN KERJASAMA**  
**PELAJAR-PELAJAR MISI ANTARABANGSA FEM 2007**

# Kursus Pengurusan Ekonomi Masjid

Dibentangkan oleh:

Al-Haqir wa al-Faqir Ila Allah al-Ghaniyy

Abdullaah Jalil

Fakulti Ekonomi dan Muamalat  
Universiti Sains Islam Malaysia

# Isi Kandungan

- Kepentingan Perbelanjaan atau Infaq (الإِنْفَاق)
- Perbelanjaan Idari
- Perbelanjaan Ijtima'ie
- Perbelanjaan Tijari
- Kaedah Membuat Keputusan dalam Pengurusan Ekonomi Masjid

# Kepentingan al-Infaq / Perbelanjaan

- Syariat Islam bukan sahaja memberi penekanan kepada aspek pencarian hasil/pulangan (الكسب). Namun, aspek perbelanjaan atau infaq (الإنفاق) juga diberi perhatian yang banyak.
- Begitu banyak perkataan yang berkaitan dengan infaq disebut di dalam al-Quran dan Hadis dengan pelbagai makna.

# Kepentingan al-Infaq / Perbelanjaan

- Dalam konteks pengurusan ekonomi masjid, pihak pengurusan adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan infaq dengan jalan yang terbaik bagi kemaslahatan (kebajikan) masjid dan ahli kariah.
- Perkara yang menjadi isu di dalam perbelanjaan harta masjid adalah pengagihan di antara tiga kategori tersebut: idari, ijtima' i dan tijari.


# Kepentingan al-Infaq / Perbelanjaan

- Tiada garis panduan khusus yang menentukan nisbah di antara ketiga-tiga kategori tersebut. Ianya adalah bergantung kepada kebijaksanaan pihak pengurusan masjid.
- Bagi aspek tjari [yang mungkin sedikit asing kepada kebanyakan kawasan], pihak pengurusan masjid perlu bertindak lebih kreatif.

# Kepentingan al-Infaq / Perbelanjaan


- Pada hemat pembentang yang dha'if ini, aktiviti tjari sesebuah masjid mestilah berlandaskan ihsan (الإحسان).
- Keuntungan yang maksimum dengan harga atau sewaan yang tinggi bukanlah satu bentuk ihsan walaupun ianya mungkin 'adil.
- Maka, konsep ihsan dalam perniagaan [seperti mana yang telah diterangkan oleh Imam Ghazali di dalam kitabnya Ihya' Ulumiddin] perlulah dihayati dan difahami.

# Pengurusan Ekonomi Masjid





# Pengurusan Ekonomi Masjid



# Perbelanjaan Idari

- Elaun bagi imam, bilal, siak, dll.
- Pembayaran bil air dan elektrik.
- Pembangunan masjid.
- Penyelenggaraan dan baik pulih masjid.
- Perbersihan kawasan masjid.
- Lanskap masjid.
- Pembinaan dewan masjid.
- Kursus dan bengkel bagi jawatankuasa.
- Ini termasuklah pembelian alatulis, meja, komputer, peralatan elektronik, papan kenyataan, dan sebagainya. [Hampir sama dengan idari, tapi kegunaanya lebih luas].
- Dll.

# Perbelanjaan Ijtima'i

- Kelas-kelas agama asas (tanpa yuran).
- Kelas-kelas akademik (tanpa yuran).
- Kelas-kelas kemahiran (tanpa yuran).
- Pembelian buku dan perpustakaan.
- Pembelian sejadah dan peralatan ibadah bagi masjid.
- Pengurusan jenazah [sebahagiannya].
- Penaman hasil pertanian.
- Pembinaan website.
- Bantuan anak yatim.
- Bantuan fakir miskin.
- Bantuan kecemasan
- Sumbangan umum seperti sumbangan haji, dll.
- Majlis sambutan dan perayaan Islam seperti Ma'al Hijrah, Mawlid Nabi, dll.
- Penerbitan buku kecil dan risalah (bukan untuk jualan).
- Tabung al-Qardh al-Hasan
- Dll.

Sebarang bentuk perbelanjaan ijtima'i yang tidak lagi menjadi uruf perlulah mendapat persetujuan ahli kariah dan pihak Majlis Agama Islam Negeri.

# Bagaimana Masjid boleh menjama pendapatan melalui aktiviti tjari.

## ■ Pendidikan:

Membuka kelas pengajian al-Quran atau apa-apa subjek agama yang pengajarannya lebih mendalam dan khusus.[dengan yuran]

Mengadakan kelas-kelas tuisyen bagi subjek akademik, kemahiran asas, kemahiran rumahtangga [spt. Kelas jahitan, memasak, kemahiran IT dan apa sahaja yang diperlukan oleh masyarakat setempat dengan yuran yang murah. Contohnya: Perkhemahan Pada Musim Cuti Sekolah

Membuka Pusat Asuhan Kanak-kanak, Taman Bimbingan Kanak-kanak, dengan upah yang berpatutan.

# Bagaimana Masjid boleh menjama pendapatan melalui aktiviti tjari.

## ■ Pertanian:

Menanam sayur-sayuran, buah-buahan, atau membela ikan air tawar untuk pasaran tempatan

## ■ Sewaan:

Aset-aset seperti pinggan mangkuk, kenderaan serbaguna, dewan, kemah, kerusi meja boleh disewakan dengan kadar yang sangat berpatutan.

Pihak kami mencadangkan agar kenderaan jenazah dijadikan sebagai kenderaan serbaguna.

# Bagaimana Masjid boleh menjama pendapatan melalui aktiviti tjari.

- Perlaburan:

Sebahagian duit lebihan boleh dilaburkan di dalam instrumen-instrumen kewangan Islam yang mempunyai pulangan yang kompetitif seperti amanah saham, bon Islam dan sukuk, saham yang halal, dana berkaitan pelaburan, sekuriti pasaran wang Islam, akaun pelaburan, dll.

Mempunyai pemilikan dalam perniagaan-perniagaan tertentu berdasarkan konsep musharakah (perkongasian untung rugi) atau mudharabah (perkongasian untung). Ini mungkin dapat membantu usahawan mikro, kecil dan sederhana Muslim mencari modal dengan risiko yang rendah.

# Bagaimana Masjid boleh menjama pendapatan melalui aktiviti tjari.

- Jualan dan Perkhidmatan:

Menjual barang-barang keperluan masyarakat pada harga yang berpatutan. Apatah lagi, sekiranya tiada peniaga Muslim yang berniaga di kawasan tersebut.

Menawarkan perkhidmatan seperti dobi, dsbg.

- Perubatan:

Membuka klinik atau farmasi kecil di masjid.


- Koperasi:

Merangkumi seluruh aktiviti di atas dalam bentuk kerjasama koperasi.

# PERLU DIINGAT!!

- Penggunaan dana perlulah mematuhi prinsip-prinsip Shari'ah dan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri dan Majlis Fatwa.
- Keuntungan tjari bukanlah matlamat yang utama. Ia hanyalah sebagai alat untuk menyempurnakan peranan ijtima'i masjid.
- Aktiviti tjari jua bertujuan untuk mewujudkan kitaran pegurusan yang seimbang, yang tidak hanya membelanjakan duit.
- Kemakmuran sesebuah masjid bukan sahaja bergantung kepada program ibadah semata, tetapi juga bergantung kepada kekuatan ekonominya.
- Aktiviti ekonomi juga adalah satu bentuk ibadah.





# Panduan Membuat Keputusan dalam Pengurusan Ekonomi Masjid

# Rasulullah SAW Dalam Membuat Keputusan

- Mengikuti kajian yang telah dibuat oleh seorang tokoh ulama' di Jordan, Prof. Dr. Mahmud Khalidi, terhadap keputusan yang telah dibuat oleh Baginda SAW, maka beliau telah mendapati bahawa Rasulullah SAW membuat keputusan berdasarkan wahyu, kepakaran seseorang di dalam bidangnya dan pendapat majoriti.

Ulasan & Perbincangan

# Al-Quran dan Hadis yang berkaitan dengan kaedah membuat keputusan

## ■ Konsep syura: Firman Allah SWT:

“وشاورهم”

Dan bermesyuaratlah dengan mereka Wahai Muhammad!

“وأمرهم شورى بينهم”

Dan urusan mereka dilakukan dengan mesyuarat di kalangan mereka

Dalam mengulas ayat ini, para ulama' menyebut: Sekiranya Nabi Muhammad SAW yang merupakan sebaik-baik dan seabijak-bijak manusia diperintah oleh Allah SAW untuk bermesyuarat, apatalah lagi bagi orang-orang seperti kita ini.

# Al-Quran dan Hadis yang berkaitan dengan kaedah membuat keputusan

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَا خَابَ مَنْ اسْتَخَارَ ، وَلَا نَدِمَ مَنْ اسْتَشَارَ ، وَلَا عَالَ مَنْ اقْتَصَدَ "

Daripada Anas Ibn Malik r.a., beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: Tidak akan rugi seseorang yang beristkharah [kepada Allah SWT], tidak akan menyesal seseorang yang bermesyuarat, tidak akan miskin/fakir mereka yang bersederhana [di antara bakhil/ kedekut dan boros/membazir/melampau].”

# Konsep Maslahah dan Maqasid Shari'ah

## Kategori Maslahah

### Pendapat Pertama:

- Daruriyyat
- Mukammilatuha
- Hajiyyat
- Mukammilatuha
- Tahsiniyyat
- Mukammilatuha

### Pendapat kedua

- Daruriyyat & Mukammilatuha
- Hajiyyat & Mukammilatuha
- Tahsiniyyat & Mukammilatuha

# Kategori Maqasid Shariah berdasarkan keutamaan


## Jumhur



## Hanafiyyah



# Hubungan di antara Maslahah dan Maqasid Shariah



# Kaedah Membuat Keputusan Berdasarkan Masalah dan Maqasid Shariah

| <b>Kategori Masalah</b>         | <b>Kedekut dan kebukhahan</b> | <b>Dharuriyyat</b> | <b>Hajiyyat</b> | <b>Tahsinyyat</b> | <b>Pembaziran dan pemborosan</b> |
|---------------------------------|-------------------------------|--------------------|-----------------|-------------------|----------------------------------|
| <b>Unsur-unsur Asas Manusia</b> |                               |                    |                 |                   |                                  |
| <b>Agama</b>                    | <b>Ditolak</b>                | <b>1</b>           | <b>6</b>        | <b>11</b>         | <b>Ditolak</b>                   |
| <b>Nyawa</b>                    |                               | <b>2</b>           | <b>7</b>        | <b>12</b>         |                                  |
| <b>Akal</b>                     |                               | <b>3</b>           | <b>8</b>        | <b>13</b>         |                                  |
| <b>Keturunan</b>                |                               | <b>4</b>           | <b>9</b>        | <b>14</b>         |                                  |
| <b>Harta</b>                    |                               | <b>5</b>           | <b>10</b>       | <b>15</b>         |                                  |



# Sesi Soal Jawab

Sekian, terima kasih.

Allah Maha Mengetahui